

ISLAM DAN POLITIK DALAM MASYARAKAT
MELAYU PATANI : SATU KAJIAN TENTANG
PERJUANGAN HAJI SULONG

HAMDAN BIN MOHD SALLEH

DISERTASI UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA SASTERA
SEJARAH ASIA TENGGARA
JABATAN SEJARAH
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003

Perpustakaan Universiti Malaya



A511137450



Bismillah-ar-Rahman-ar-Rahim

DENGAN NAMA ALLAH
YANG MAHA PEMURAH
LAGI MAHA MENGASIHANI

ABSTRAK

Masyarakat Melayu di wilayah-wilayah Selatan pasea Revolusi Thai 1932 mempunyai kesedaran politik yang amat tinggi. Masyarakat Melayu Patani melibatkan diri dalam kegiatan politik di pelbagai peringkat yang merangkumi pelbagai bentuk pertubuhan, persatuan, demonstrasi dan tuntutan kepada kerajaan Thai . Ledakan ini disebabkan kepada keadaan tertekan yang dirasai hasil cubaan integrasi dan asimilisasi Thai terutama sewaktu pentadbiran Phibun Songkram.

Disertasi ini menumpukan secara khusus peranan Haji Sulong, seorang ulamá yang membawa idea politik Islam dalam perjuangannya. Peranan yang dimainkan beliau dalam memimpin masyarakat Melayu Patani begitu besar hingga mampu menyatukan mereka dalam satu wadah perjuangan sosio-politik berteraskan Islam. Hasil penyatuan ini membolehkan masyarakat Melayu Patani menikmati dasar-dasar kerajaan yang lebih toleran dan fleksibel yang tidak dinikmati oleh golongan minoriti lain di Thailand.

ABSTRACT

The Malays in Southern Provinces in post-revolution Thai 1932 had a high political conscience. The Patani Malays involved themselves in political activities at various levels which include forming organisations, associations, joining demonstrations as well as voicing demands to the Thai government. This was the result of the impacts felt due to Thai's assimilation and integration scheme especially during Phibun Songkram administration.

This dissertation particularly focuses on the prominent role of Haji Sulong, an ulamá who brought with him Islamic political idea in his quest to empower the Patani Malays. The role he played was so significant to the extent that he was able to unite the community in Islamic socio-political struggle based on Islam. The remarkable effect of the untiy is that the Patani Malays are given more tolerable and flexible government policies than the other minorities in Thailand.

DEDIKASI

Khas buat keluarga tersayang;

Ibu, Hjh. Mariah binti Hj. Abdullah,
Isteri, Azar Faiza binti Mohd. Lud,
Abah, Mohd. Lud bin Abdullah,
Mak, Asmah binti Ahmad,
Tok, Hjh. Halijah binti Abdullah,
Tok Wan, Hj. Abdullah bin Latif,
dan semua ahli keluarga yang lain.

Buat saudara sebangsa
lama sudah kita terpisah
Biarpun selalu bertemu
Namun hati masih pilu

Hati sebak dan terharu
Rindu hati kepadamu
Hanya Tuhan yang satu
Maha tahu kesayuaan ku

Kenapa kita masih terpisah
Biarpun beratus-ratus tahun berlalu
Bila lagi hendak bersatu menjadi satu
Seperti dulu, lama masa yang lalu

Sepuluh negeri, 14 wilayah
Sama-sama kita dipijak dibelasah
Sepuluh Negeri penajah dah "belah"
14 wilayah tak tentu arah

Bahasa ibundanya bahasa yang besar
Dari dahulu sampai sekarang juga
Bahasa kita bahasa utama dunia
Tapi ramai jadi lupa

Sepuluh Negeri, 14 wilayah
sama-sama jadi gila, mabuk dan sasau
bahasa penajah diagung dibangga
Mungkin nanti kita lupa siapa kita.

PENGHARGAAN

Segala puji adalah dirafäakan kepada Allah pencipta alam yang indah ini. Syukur diangkat semata-mata kepada-Mu, ya Allah, yang memberi segala apa yang dipinta. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad (s.a.w.), Rasul pilihan, kekasih Allah dan kesayangan umat. Syukur kepada Allah Taála, dengan limpah dan inayah-Nya dapat disiapkan disertasi ini. Proses menyiapkan disertasi ini bukan sahaja mengambil masa yang panjang, malah ianya turut melibatkan ramai individu yang amat saya hargai bantuan mereka.

Dalam menyempurnakan disertasi ini, saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Haji Mohammad Redzuan Othman yang telah meluangkan masa untuk membimbing, menelaah kajian dengan teliti serta memperkenalkan saya kepada dunia penulisan ilmiah. Bimbingan ikhlas dan kepimpinan akademik beliau amat saya hargai. Beliau tidak seharusnya dikaitkan dengan sebarang kekurangan dalam disertasi ini. Tanggungjawab sepenuhnya adalah pada diri saya sendiri.

Saya juga ingin mengambil peluang untuk mengucapkan ucapan terima kasih kepada Universiti Malaya khasnya kerana memberi peluang untuk saya meneruskan perjalanan akademik yang masih panjang ini. Tidak lupa penghargaan kepada para pensyarah, Prof. Datuk Mohamad Abu Bakar, Prof. Dr. Ranjit Singh, Prof. Datuk Dr. Ramlah Adam, Prof. Madya Dr. Aruna Gopinath Prof. Dr. Loh Wai Leng, Prof. Madya Danny Wong, En. Azharudin, En. Zulkarnain, Pn. Salina dan En. Sivachandralingam yang sentiasa memberi tunjuk ajar sepanjang saya di Universiti Malaya. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang banyak membantu. Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua

kakitangan dan pegawai Universiti Malaya khususnya di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Jabatan Sejarah dan Perpustakaan Universiti Malaya terutama ibu saya, Hjh. Mariah binti Hj. Abdullah.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan di Kolej Industri Pendidikan Negeri Selangor (INPENS). Bantuan dan sokongan yang diberi amat dihargai. Terima kasih juga kepada Yayasan Selangor atas bantuan kewangan yang diberi sepanjang mengikuti kursus Sarjana ini. Begitu juga tidak lupa kepada individu-individu yang sudi meluangkan masa untuk ditemuduga.

Disertasi ini didedikasi khas untuk ibu tersayang, Hjh. Mariah. Doá, sokongan dan pengorbananmu dalam semua segi tidak terbalas oleh anakmu ini. Buat isteri tercinta, Azar Faiza binti Mohd. Lud; maaf kerana banyak masa ditumpukan kepada penyiapan disertasi ini. Tiada kata-kata dapat menggambarkan betapa suamimu ini amat menghargai doá, inspirasi, sokongan dan kasih sayangmu yang tidak berbelah bagi. Buat kedua-dua bapa dan ibu mertua, Mohd. Lud bin Abdullah dan Asmah binti Ahmad; terima kasih kerana doá dan sokongan yang dihulur. Kepada Tok, Hjh. Halijah bin Abdullah dan Tok Wan, Hj. Abdullah bin Latif di Kg. Changkat Ning, Taiping; terima kasih kerana bersusah-payah membimbangkan diriku kepada alam pelajaran dan asal-usulku dalam masyarakat Melayu Patani. Budi nenda berdua akan kekal dalam ingatan. Begitu juga kepada Pak Ngah Hj. Ahmad Khairani Hj. Abdullah serta Pak Cik Saharudin Hj. Abdullah; sokongan dan pengorbanan kalian tidak akan ku lupa. Tidak lupa kepada semua ahli keluarga yang lain, di mana jua kalian berada. Ucapan terima kasih juga untuk guru-guruku yang bersusah-payah mendidik anak muridmu ini. Penghargaan tidak terhingga dirakamkan khas untuk abah, Allahyarham Dato' Hj. Mohd. Salleh bin Hassan Farid al-Banjari; semoga

rohmu dirahmati Allah dan diletakkan di kalangan ahli Jannah. Anakmu ini ingin membuktikan bahawa harapanmu itu tidak sia-sia.

Akhir kalam, semoga Allah memberkati dan melimpahkan rahmat-Nya kepada mereka semua. Segala yang baik dan sempurna itu hak Allah semata, kekurangan dan kepincangan adalah hasil kelemahan saya sendiri. Wallahuálam.

HAMDAN BIN MOHD. SALLEH

Universiti Malaya Kuala Lumpur

13 Mei 2003

DAFTAR ISI

HALAMAN

HALAMAN JUDUL

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
DAFTAR ISI	v
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI KEPENDEKAN	xi

PENDAHULUAN

Latarbelakang	1
Skop Kajian	5
Kandungan Kajian	10
Tujuan Kajian	11
Metodologi Kajian	12
Kajian-Kajian Lepas	13

BAB I

LATARBELAKANG SEJARAH PATANI DAN PEMIKIRAN POLITIK ISLAM

Sejarah Awal	22
Kedatangan Islam	27
Hubungan Awal Dengan Siam	31
Kegemilangan dan Kemerosotan	34

Berakhirnya Sebuah Kerajaan Islam	39
Latarbelakang Masyarakat	41
Latarbelakang Pemikiran Islam di Alam Melayu	46
Sejarah Perkembangan Politik Islam di Patani	55

BAB II LATARBELAKANG HAJI SULONG

Pengenalan	64
Latarbelakang Pendidikan	65
Kepulangan Haji Sulong ke Patani	67
Pemikiran Haji Sulong	68
Haji Sulong dan Gugusan Cahaya Keselamatan	71

BAB III HAJI SULONG DAN GERAKAN POLITIK ISLAM

Latarbelakang Politik Thai	74
Madrasah <i>al-Matárif al-Wataniah</i>	83
Pertubuhan Bagi Mempertahankan Undang-Undang Syariat Islam	86
Tuntutan Tujuh Perkara	90

BAB IV REAKSI PERJUANGAN

Halatuju Perjuangan	95
Penyatuan Masyarakat Melayu Patani	97
Penahanan Haji Sulong	100

Reaksi Masyarakat Melayu Terhadap Penahanan Haji Sulong	103
Penubuhan Gabungan Melayu Patani Raya (GEMPAR)	105
Reaksi Kerajaan Thai	106
Kebangkitan Dusun Nyior	110
Penindasan Terhadap Perjuangan	112
KESIMPULAN	115
BIBLIOGRAFI	119
LAMPIRAN	

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Peta 14 Wilayah Selatan Thailand
Lampiran 2	Peta Wilayah-Wilayah Majoriti Melayu di Selatan Thailand
Lampiran 3	Peratus Umat Islam Thailand Mengikut Wilayah
Lampiran 4	Peratus Umat Islam Thailand di wilayah-Wilayah Selatan
Lampiran 5	Peratus Penglibatan Orang Melayu di Selatan Thai Mengikut Sektor Pekerjaan
Lampiran 6	Ringkasan Bab ‘Gugusan Cahaya Keselamatan’
Lampiran 7	Ringkasan Dasar Rattaniyom Kerajaan Phibun Songkram
Lampiran 8	Polisi Baru Kabinet Thai Dalam Menghadapi Perkembangan Masyarakat Islam di Selatan 1947
Lampiran 9	Surat Haji Sulong Melantik Tengku Mahmood Mahyideen Sebagai Wakil Pemimpin Masyarakat Islam
Lampiran 10	Memorandum GEMPAR

SENARAI KEPENDEKAN

ATMA	Akademi Tamadun Melayu Antarabangsa
Bil.	Bilangan
BRN	Barisan Revolucioner Nasional
cet.	Cetakan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
dlm.	dalam
Dr.	Doktor
et.al.	dan rakan-rakan
hb.	haribulan
hlm.	halaman
Ibid.	Catatan yang menggantikan nama pengarang dalam ruang nota kaki
GEMPAR	Gabungan Melayu Patani Raya
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
ISEAS	Institute of Southeast Asia Studies
IPR	Institute of Pacific Relations
JAS	Journal of Asian Studies
Jil.	Jilid
JMBRAS	Journal of Malayan/Malaysian Branch of Royal Asiatic Society
JSEAH	Journal of Southeast Asian History
JSEAS	Journal of Southeast Asian Studies
M.B.E.	Member of British Empire
No.	Nombor
PANYOM	Patani Youth Movement

PENDAHULUAN

Latarbelakang

Bagi sebahagian besar umat Islam di Nusantara, nama Patani mungkin hanya tinggal sebagai satu sejarah silam sebuah negeri Melayu di utara Semenanjung Malaysia. Jika diteliti peta Asia Tenggara hari ini, nama besar ini seolah-olah tidak wujud lagi. Ramai antara kita telah lupa bahawa Kerajaan Melayu Patani merupakan sebuah kerajaan yang begitu gagah dalam sejarah Alam Melayu dan terkenal dalam melahirkan ribuan ulamá terbilang.¹ Malah, kerajaan ini mempunyai sejarah perhubungan yang cukup unik dengan negeri-negeri Melayu di Semenanjung Malaysia terutama Kelantan, Kedah, Pahang dan Johor. Hubungan kekeluargaan antara masyarakat Melayu di Semenanjung dengan masyarakat Melayu Patani masih dapat dikesan hingga ke hari ini.²

Berlandaskan tajuk “Islam Dan Politik Dalam Masyarakat Melayu Patani: Satu Kajian Tentang Perjuangan Haji Sulong”, kajian ini memberi tumpuan secara umumnya terhadap masyarakat Melayu Islam di kawasan Bahagian Selatan Bawah Thailand.³

¹ Alam Melayu merangkumi Malaysia, Singapura, Kepulauan Indonesia, Selatan Filipina dan Selatan Thailand. Lihat Abdul Latif Bakar, “Pemikiran Ibrahim Hj. Yaacob Sebagai Aktivis Politik”, *Pemikir*, Jun-Mac 2001, hlm. 87.

² Temuramah penulis dengan Idris Ahmad @ Pak Lang Yeh (Allahyarham), Kampung Changkat Ning, Changkat Jering, Taiping, Perak Darul Ridzuan, pada 20 November 2000. Lihat juga Che Sabrina Mohamed, ‘Migrasi dan Corak Ekonomi Melayu Patani di Hulu Perak : Kajian Kes di Kampung Belum Baru, Gherik, Perak’, Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1996; Mohd. Zafrullah Haji Arifin, ‘Perkembangan Sosio-Ekonomi Masyarakat Melayu Patani di Bandar Kota Bharu, Kelantan : Satu Kajian Kes Melalui Persatuan Kebajikan Darul Arif (PESAKA)’, Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1995 dan Mohd. Zafrullah Haji Arifin, ‘Peranan dan Perkembangan Masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman’, Tesis Sarjana Universiti Malaya, 2001.

³ Dalam kajian ini, istilah Thailand atau Thai akan digunakan untuk merujuk Negeri Thai atau Siam. Memandangkan terdapat kekeliruan dalam penggunaan istilah antara Siam dan Thailand, maka satu ketepan terpaksa diambil dengan menggunakan istilah Thailand dalam menyelesaikan masalah ini. Ini kerana sebelum 1939, istilah yang digunakan ialah Siam dan orang Siam. Pada 24 Jun 1939, nama rasmi ditukar kepada *Prathet Thai* atau Thailand. Ini berdasarkan Perlumbagaan Rathaniyom bil (1) yang menyatakan nama Thai menjadi nama rasmi mengikut nama bangsa. Namun, antara tahun 1945-1949, nama Siam digunakan semula

Tumpuan khusus akan merangkumi Pattani, Yala, Narathiwat dan sebahagian wilayah Songkhla. Ini kerana sebahagian besar umat Islam di Thailand tertumpu di wilayah-wilayah berkenaan yang dahulunya dikenali dengan nama Kesultanan Melayu Patani, Patani Raya atau Negeri Patani Besar.⁴ Walaupun masyarakat Islam dan Melayu-Patani hanya mewakili 4 % sahaja dari hampir 62 juta penduduk Thailand, mereka merupakan golongan majoriti di empat wilayah paling selatan tersebut.⁵

Istilah ‘*Patani*’ digunakan di dalam kajian ini merangkumi wilayah yang dahulunya merupakan Kerajaan Melayu Patani. Perkataan ‘*Pattani*’ merupakan istilah yang diterjemah dari bahasa Thai dan hanya menumpukan Wilayah Pattani yang ditetapkan oleh kerajaan Thailand mengikut Akta Pembahagian Kawasan Pentadbiran Negara Thai 1933.⁶ (Lihat Lampiran 1)

sebagai nama rasmi. Bermula 11 Mei 1949, ia ditukar semula kepada Thailand. Lihat Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam* (Alor Setar : Pustaka Darul Salam, 2000), hlm. 90. Untuk maklumat lanjut, rujuk laman-laman web Thailand seperti laman *Amazing SunThai Home Page*, http://www.geocities.com/TheTropics/Reef/2830/mains_th2.htm; *Nation Online—Thailand*, <http://www1.thaimain.org> dan laman web rasmi kerajaan Thailand, *Complete Royal Thai Government Web Sites Directory*, http://www.nepo.go.th/index_thaigov.html.

⁴ Secara umumnya, umat Islam di Thailand boleh dibahagikan kepada beberapa golongan etnik seperti India, Cina, Cham, Parsi, Jawa, Sam Sam, Melayu-Thai dan golongan asli. Selain di Selatan Thai yang mana umat Islam dikenali sebagai Melayu-Muslim atau Melayu-Patani, terdapat sebilangan kecil orang Islam yang tinggal di kawasan sekitar Chiengmai terutama masyarakat berketurunan India dan Pakistan. Masyarakat Thai-Islam juga boleh didapati di kawasan sekitar Bangkok. Lihat Omar Farouk Bajunid, “Malaysia’s Islamic Awakening : Impact on Singapore and Thai Muslims”, dlm. Omar Farouk Bajunid (peny.), *Muslim Social Social Science* (Kuala Lumpur : Yayasan Penataran Ilmu, 1994), hlm. 109. Mengikut bancian pada tahun 1960, terdapat 190,000 orang Islam tinggal di pertempatan sekitar Bangkok. Lihat Yoneo Ishii, terj. Mohamed Yusoff Ismail, *Sejarah Sangha Thai : Hubungan Buddhisme Dengan Negara Dan Masyarakat* (Bangi : Penerbit UKM, 1993), hlm. 170.

⁵ Akhbar *The Star* bertarikh 31 Mac 2001 melaporkan statistik terkini kependudukan Thailand. Berdasarkan maklumat Kementerian Dalam Negeri Thailand, jumlah penduduk Thailand berdasarkan hasil bancian berakhir 31 Disember 2001 adalah 61.88 juta orang. Penduduk Islam dianggarkan berjumlah 2.48 juta penduduk.

⁶ W.K. Che Man, *Muslim Separatism The Moros of Southern Philipines and the Malays of Southern Thailand* (Singapura : Oxford University Press, 1990) hlm. 44-45. Untuk keterangan lanjut berkenaan istilah ‘*Patani*’ dan ‘*Pattani*’, lihat dalam perbincangan artikel Chaiwat Satha-

Patani yang dimaksudkan di dalam kajian disertasi ini tidak hanya tertakluk pada *Changwad* atau Wilayah Pattani sahaja. Ia akan merangkumi wilayah yang dikenali sebagai Bahagian Selatan Bawah iaitu antaranya Pattani, Satun, Yala dan Narathiwat⁷ (Lihat Lampiran 2).

Wilayah-wilayah ini diletakkan sepenuhnya di bawah kuasa kerajaan Thailand pada tahun 1902 dan sejak itu melalui perubahan sosio-politik yang ketara. Pada masa ini, masyarakat Islam Melayu Patani menghadapi masalah yang seakan sama dengan apa yang dialami oleh masyarakat Islam Moro di Selatan Filipina ; cabaran dalam mempertahankan identiti agama, sosio-politik serta wilayah mereka dari digugat oleh golongan majoriti yang berkuasa.⁸

Masyarakat Melayu Patani sebenarnya mempunyai satu sejarah penentangan dan perjuangan yang cukup panjang. Cubaan untuk kekal bebas dari pengaruh Thailand dalam aspek agama, budaya dan bangsa sentiasa berlaku menerusi tradisi lisan, penulisan sejarah tempatan dan penentangan bersenjata.⁹ Setiap kali kerajaan Thailand mencuba untuk mengubah cara hidup mereka, umat Islam ini akan menentang dengan keras. Ini ditambah dengan latarbelakang politik Islam yang amat kuat di kawasan yang terkenal

Anand, “ Patani in the 1980’s : Academic Literature and Political Stories”, dlm. Omar Farouk Bajunid (peny.), *Muslim Social Science*, hlm. 68-71.

⁷ Jika dilihat dari aspek pentadbiran wilayah Thailand, kawasan selatan negara itu mengandungi 14 buah wilayah yang dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu Bahagian Atas dan Bahagian Selatan Bawah. Bahagian Selatan Atas terdiri daripada Chumphon, Surathani, Ranong, Nakhon Sri Thammarat, Pangga, Phuket, Krabi, Trang dan Pathlung. Manakala Bahagian Selatan Bawah merangkumi Songkhla, Satun, Pattani, Yala dan Narathiwat. Lihat Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. xvii.

⁸ Lukman Thaib, *The Politics and Governments of South East Asia* (Kuala Lumpur : Golden Books Center, 1997), hlm. 92. Untuk melihat satu perbandingan, lihat W.K. Che Man , *Muslim Separatism* ,hlm. 43.

⁹ David Brown, *The States and Ethnic Politics in Southeast Asia* (London : Routledge, 1994), hlm. 158.

dengan tempat kelahiran para ulamá yang ternama dan masyhur.¹⁰ Beberapa penentangan besar dalam sejarah perjuangan masyarakat Melayu-Patani dikaitkan dengan perubahan polisi yang drastik oleh kerajaan Thailand di Wilayah Selatan Bawah negara tersebut.¹¹

Empat wilayah selatan Thailand tersebut menjadi wilayah rasmi pada tahun 1902 selaras dengan Akta Pentadbiran Kawasan 1897 yang membolehkan kerajaan Thai mentadbir secara pentadbiran terus.¹² Ia sentiasa menjadi antara wilayah-wilayah yang bermasalah bagi kerajaan Thailand hingga ke hari ini.¹³ Wilayah-wilayah ini dianggap kawasan yang berisiko tinggi oleh kerajaan Thailand di mana berlaku pertembungan dua budaya, budaya berteraskan agama Buddha dan berdasarkan Islam.¹⁴ Jika dilihat dari segi

¹⁰ Untuk maklumat berkenaan latarbelakang dan sumbangan para ulamá Patani, lihat Ahmad Fathy al-Patani , *Ulamá Besar dari Patani* (Bangi : Penerbit UKM , 2001). Lihat juga artikel Abdul Ghani Ya'kub , "Alam al-Malayu wal al-Aqliyyat al-Islamiyyah", Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan UIAM (tidak diterbitkan), 1997. Buku-buku karya Wan Mohd. Saghir Abdullah juga banyak membincangkan berkenaan para ulamá Patani. Lihat antara lain *Syiekh Daud Bin Abdullah Al-Fatani Ulama' dan Pengarang Terulung Asia Tenggara* (Shah Alam : Penerbitan Hizbi, 1990) dan *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama' Sejagat Dunia Melayu Jilid 3* (Kuala Lumpur : Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 1999).

¹¹ Uthai Dulyakasem, "The Emergence and Escalation of Ethnic Nationalism : The Case of the Muslim Malays in Southern Siam", dlm. Taufik Abdullah, *Islam and Society in Southeast Asia* (Singapura : ISEAS, 1982), hlm. 21.

¹² Yoneo Ishii, terj. Mohamed Yusoff Ismail, *Sejarah Sangha Thai*, hlm. 169.

¹³ Akhbar *The Star* bertarikh 9 April 2001 dibawah tajuk "*Thailand vows to hunt down bombers*" melaporkan pihak perisikan tentera Thai menyalahkan kumpulan pemisah yang ditubuhkan (Kumpulan baru ini diasaskan pada bulan April 2001 oleh golongan Melayu yang keluar dari PULO dan BRN) bertanggungjawab ke atas dua serangan bom di Selatan Thai pada 7 April 2001. Serangan tersebut mengakibatkan seorang terbunuh dan 42 lagi cedera. Lihat juga laporan akhbar yang sama bertarikh 8 April 2001 bertajuk "*Three blasts rock south Thailand*". Kejadian sebelum itu turut dilaporkan oleh akhbar *Bangkok Post* bertarikh 18 Ogos 1996 di bawah tajuk "*Bomb found near railway station – Letter from PULO members discovered*".

¹⁴ Kerajaan Thai menghadapi masalah setiap kali dasar asimilasi dilaksanakan. Permasalahan ini bukan sahaja berlaku di bahagian selatan, malah turut dialami oleh golongan-golongan minoriti lain di Thailand. Terdapat kajian-kajian yang dilakukan terhadap aspek masalah golongan minoriti di Thailand. Lihat Alan Edward Guskin, 'Changing Identity : The Assimilation of Chinese Thailand', Tesis Ph.D. University of Michigan,1968; Jirawat Wongswadiwat, The Psychlogical Assimilation of Chinese University Students in Thailand, Tesis Ph.D. University of Illinois Urbana-Champaign, 1973 dan Pholwaddhana Niyaphan, 'Ethnic Relations in Thailand : The Mon-Thai Relationship', Tesis Ph.D. University of Kansas, 1986. Terdapat

kebudayaan, masyarakat Melayu Patani digolongkan dalam dunia Melayu.¹⁵ Namun dari segi politik, mereka merupakan sebahagian dari Thailand yang menjadikan Buddha sebagai agama rasmi.¹⁶ Ini menimbulkan suasana konflik kerana satu keadaan yang boleh dianggap sebagai kolonialisme dalam dalam di Thailand.¹⁷

Skop Kajian

Kajian ini cuba melihat pengaruh Islam dalam perkembangan politik masyarakat Melayu Patani menerusi perjuangan Haji Muhammad bin Abdul Qadir Muhammad al-Fatani atau Haji Sulong. Skop kajian ini adalah sekitar tahun 1932-1954. Ia berdasarkan kepada dua isu utama. Pertama, tahun 1932 menyaksikan detik penamat pemerintahan beraja mutlak Thailand . Ia merupakan kemuncak proses kebangkitan nasionalisme Thai di bawah kerajaan *Khana Rasadon* serta bermulanya proses dasar asimilasi atau *pengthaian* yang memberi kesan yang penting terhadap masyarakat Islam di Selatan.¹⁸ Kedua, bermulanya

buku-buku ilmiah yang diterbitkan khusus untuk membincangkan persoalan integrasi Thai. Lihat Volker Grabowsky (peny.), *Regions & National Integration in Thailand 1892-1992* (Germany : Harrassowitz Verlag, 1995); Chamarik, Saneh, *Problems of Development in Thai Political Setting* (Bangkok : Thai Khadi Research Institute, Thammasat University, 1983) dan Charles F. Keyes (peny.), *Ethnic Adaptation and Identity : The Karen on the Thai Frontier with Burma* (Philadelphia : Institute for the Study of Human Issues, 1979). Isu-isu pembangunan dan integrasi ini juga telah dibincangkan dalam Michael J.G. Parnwell, *Uneven Development in Thailand*, (Aldershot : Avebury Publishing, 1996).

¹⁵ Nureeyan Saleh, *Lagu Dodoi Melayu Patani* (Bangi : Penerbit UKM, 1999), hlm. 84. Lihat juga Ahmad Fathy al-Fatani, *Pengantar Sejarah Patani* (Alor Setar : Pustaka Darussalam, 1994).

¹⁶ Seni Mudmarn, “ Social Science Research in Thailand : Case of the Muslim Minority”, dlm. Omar Farouk Bajunid, *Muslim Social Science*, hlm. 24.

¹⁷ David Brown, *The State and Ethnic Politics in Southeast Asia* (London : Routledge, 1994), hlm. 159.

¹⁸ Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 87. Selepas rampasan kuasa 1932, kerajaan Thai ditadbir oleh kumpulan *Khana Rasadon* atau Parti Rakyat. Mereka terdiri dari golongan tentera dan golongan awam yang sentiasa bersaing untuk berkuasa. Lihat juga Pasuk Pongpaichit dan Chris Baker, *Thailand : Economy and Politics*, (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1995), hlm. 256.

secara aktif penglibatan tokoh-tokoh berfahaman pembaharuan Islam seperti Haji Sulong sebagai pemangkin tentang terhadap kerajaan Thailand sebagai satu respon dasar asimilasi Thai. Dalam erti kata lain, tumpuan diberi antara tahun 1932-1954 kerana munculnya pengaruh pembaharuan Islam berkembang dalam gerakan politik kebangsaan masyarakat Melayu Patani selepas itu bertitik tolak dari tempoh tersebut.¹⁹

Walaupun telah banyak kajian yang dibuat berkenaan isu Melayu Patani dan Selatan Thailand, masih kurang kajian dibuat secara terperinci berkenaan pengaruh pemikiran Islam dalam pergerakan politik mereka. Umpamanya, tidak banyak sumber khusus yang dapat menerangkan perkembangan pembaharuan Islam di Selatan Thailand sedangkan perkembangan ilmu Islam amat luas di sana. Kajian ini cuba melihat gerakan politik berteraskan Islam terutama berlandaskan pengaruh Islah. Hasil kajian mendapati terdapat penggunaan istilah *Khana Mai* atau Kaum Muda dalam beberapa penulisan ilmiah.²⁰ Penekanan diberi kepada sejauhmana pemikiran reformis Islam mencerusi perjuangan Haji Sulong mempengaruhi corak gerakan politik dan pemikiran masyarakat Melayu Patani. Faktor perkembangan politik semasa, pengaruh luaran dan peningkatan pendidikan di kalangan masyarakat Melayu Patani turut dikaji dalam melihat pengaruh pemikiran politik Islam dalam pembentukan gerakan politik masyarakat Melayu Patani.

Memandangkan kajian ini tertumpu kepada politik Islam, adalah perlu kajian ini membicarakan latarbelakang dan perkembangan Islam dalam masyarakat Melayu Patani dalam bab yang awal. Perbincangan seterusnya akan menjurus kepada konsep pemikiran Islah dan peranannya terutama era pasca revolusi Thai 1932. Kajian ini dirasakan perlu

¹⁹ Mohd. Zamberi A. Malek, *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik* (Shah Alam : Penerbit Hizbi, 1993), hlm. 193-194.

²⁰ Raymond Scupin, "The Politics of Islamic Reformism in Thailand", *Asian Survey*, Vol. 20, No. 12, hlm. 1223-1235.

memandangkan begitu kurang penulisan yang menumpukan idea Islah dalam perkembangan politik Islam dalam masyarakat Melayu Patani. Sumber-sumber perpustakaan lebih banyak menekankan perkembangan Islah di Malaysia dan Indonesia.²¹

Dalam membincangkan perjuangan politik di Selatan Thailand, nama Haji Sulong akan sentiasa menjadi sebutan. Pembaharuan yang dibawa serta pengorbanan beliau tidak ternilai harganya. Haji Sulong menyaksikan peristiwa-peristiwa negatif yang dikaitkan dengan dasar asimilasi Thai tersebut. Thailand sebenarnya menyaksikan satu perubahan yang drastik dalam struktur kuasa di selatan sepanjang era nasionalis yang mengagung-agungkan konsep ‘bangsa, agama dan raja’. Rancangan seperti mewajibkan pendidikan Thai umpamanya, memberi satu kesan yang ketara terhadap masyarakat tradisional Melayu. Sekolah dan pengajian kendalian di masjid-masjid digalakkan mengubah bentuk kurikulum agar pelajaran dalam bahasa Thai dan dakyah dari kerajaan pusat dapat diserapkan. Dalam masa yang sama golongan birokrat Thai dapat mengukuhkan kuasa mereka apabila banyak hal-ehwal masyarakat Melayu diletakkan di bawah kawalan mereka.

Walau bagaimanapun, pada awalnya penamatan sistem raja mutlak Thailand pada tahun 1932 pada mulanya disambut dengan penuh lega oleh golongan elit Melayu. Mereka merasakan harapan untuk mendapatkan kuasa autonomi akan lebih cerah dengan cara bekerjasama dengan kerajaan pusat dalam satu sistem demokrasi.²²

²¹ Untuk rujukan, lihat Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Imam* (Kuala Lumpur : DBP, 2000), A. Rahman Hj. Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia , Sejarah dan Aliran* (Jakarta : Gema Insani Press, 1997) dan Mohd. Radzi Othman dan O.K. Rahmat, *Gerakan Pembaharuan Islam : Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubungkaitnya dengan Malaysia* (Pulau Pinang : Penerbit USM, 1995).

²² John Coast, *Some Aspects of Siamese Politics* (New York : Institute of Pacific Relations, 1953), hlm. 6.

Ini dinyatakan oleh Nik Anuar Nik Mahmud :

“ Rampasan kuasa bulan 1932 membawa harapan baru kepada proses revolusi politik Siam. Revolusi itu memperkenalkan sistem pemerintahan berperlembagaan yang memberi keutamaan kepada kebebasan dan peluang sama rata kepada semua lapisan masyarakat ... Perubahan itu dialu-alukan oleh orang-orang Melayu di empat wilayah di selatan itu.”²³

Namun dengan terlantiknya pemimpin berpemikiran nasionalis Phibun Songkram pada tahun 1938, polisi asimilasi secara paksaan diperkenalkan.²⁴ Ini telah memberi satu tamparan yang amat hebat kepada umat Islam di selatan dalam memperjuangkan aspirasi budaya dan agama mereka. Undang-undang Islam berkenaan perkahwinan dan harta pusaka yang selama ini diamalkan telah dimansuhkan. Masyarakat Islam juga terpaksa berdepan dengan polisi kebudayaan Thailand yang mewajibkan semua rakyat tanpa mengira agama dan budaya mengadaptasi corak pakaian Barat, bertutur hanya dalam bahasa Thai serta mengamalkan budaya dan adat resam masyarakat Thai.²⁵

Perbezaan dari segi sosio-budaya dan agama ini mengakibatkan berlaku tentangan oleh masyarakat Melayu.²⁶ Walaupun kerajaan Thailand telah cuba mengadakan proses integrasi yang lebih lembut selepas kejatuhan Pibul, ia tetap gagal memenangi hati orang

²³ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954* (Bangi : Penerbit UKM, 1999) hlm. 48.

²⁴ Field Marshall Phibun Songkram dilantik menjadi Perdana Menteri buat kali pertama pada 16 Disember 1938 hingga 6 Mac 1944. Kemudian beliau dilantik untuk kali kedua dari 8 April 1948 hingga 16 September 1957. Sumber dari Sekretariat Perdana Menteri, Rumah Kerajaan, Thailand menerusi laman web Kedutaan Di-Raja Thailand , Washington, Amerika Syarikat, <http://www.thaiembdc.org>.

²⁵ Ahmad Fathi al-Patani , *Ulamá Besar dari Patani* , hlm. 144.

²⁶ Frank H. Golay, et.al., *Underdevelopment and Economic Nationalism in Southeast Asia* (New York : Cornell University Press,1969), hlm. 299.

Melayu di bahagian wilayah selatan.²⁷ Ini kerana terdapat kelemahan ketara dalam setiap polisi yang dilaksanakan.²⁸ Hasilnya, wujud penentangan apabila kesan-kesan asimilasi dapat dilihat seperti sekolah pondok dijadikan sekolah berbentuk sekular dan bahasa Thai yang berleluasa serta merosotnya penggunaan bahasa Melayu.²⁹ Penentangan ini telah membawa kepada konflik berdarah serta tertubuhnya beberapa gerakan gerila bawah tanah hingga memaksa kerajaan Thai membuat beberapa tindakan agresif seperti menangkap individu yang disyaki.³⁰

Walaupun perjuangan berlandaskan organisasi yang berbeza, hasrat dan matlamat politik mereka pasti berasaskan mempertahankan identiti agama Islam dan bangsa Melayu.³¹ Jika pada peringkat awal tentangan lebih tertumpu kepada golongan pembesar elit, gerakan politik sekitar 1940-an dan selepas perang menyaksikan munculnya pengaruh Islam dalam gerakan politik Patani. Isu yang boleh dianggap sebagai pemangkin adalah kegagalan rancangan menyertai Tanah Melayu seperti yang dirancang bersama pihak Berikat sewaktu Perang Dunia Kedua. Ini mendorong golongan ulamá berpendidikan

²⁷ Michael J.G. Parnwell ,*Uneven Development in Thailand* , hlm. 109. Parnwell berpendapat kerajaan pusat di Bangkok telah gagal membangunkan wilayah-wilayah Thai disebabkan polisi-polisi yang tidak seimbang. Ini telah menimbulkan tentangan di kawasan utara dan selatan negara itu. Sebagai contoh polisi kerajaan Thai, lihat “Unofficial Translation : Thailand Policy Statement of the Council of Ministers of Prime Minister Chuan Leekpai”(tidak diterbitkan), 20 November 1997, Biro Penerangan, Kerajaan Diraja Thai.

²⁸ Michael J.G. Parnwell ,*Uneven Development in Thailand* , hlm. 109.

²⁹ Seni Mudmarn, “ Social Science Research in Thailand”,hlm. 24.

³⁰ Amnesty International, “Thailand a Human Rights Review Based On the International Covenant On Civil and Political Rights” *Report ASA 39/01/99*, January 1999, hlm. 11.

³¹ Seni Mudmarn, “Social Science Research in Thailand”,hlm. 24.

Makkah dan Mesir memperbaharui corak perjuangan menentang dasar-dasar kerajaan Thailand di Bangkok.³²

Namun, kajian ini menghadkan kepada perjuangan Haji Sulong kerana perjuangan beliau dilihat diasaskan oleh idea-idea politik Islam. Perjuangan beliau juga amat berpengaruh dan dipandang serius oleh kerajaan Thai.³³ Kematian beliau secara misteri pada tahun 1954 telah menjadi pemangkin kepada kebangkitan perjuangan pembebasan Patani selepas itu hingga beliau dianggap sebagai ‘Bapa Pembebasan Patani’.

Kandungan Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada empat bab utama :

Pendahuluan. Ia merupakan latarbelakang kajian ini. Ia akan menghuraikan persoalan kajian, skop, penggunaan kaedah kajian dan melihat kajian-kajian lampau yang telah dijalankan.

Bab I : Latarbelakang Sejarah Patani dan Pemikiran Islah. Bab ini membincangkan dua skop utama. Pertama, skop pensejarahan dan kemasyarakatan Patani. Ia meliputi sejarah awal, kedatangan Islam, kegembilangan dan kemerosotan Kerajaan Melayu Patani sebagai sebuah kerajaan Islam, tamatnya kerajaan tersebut secara rasmi pada 1902 serta latarbelakang masyarakat Melayu Patani. Bahagian kedua akan membincangkan latarbelakang pemikiran di Alam Melayu serta sejarah pemikiran politik Islam di Patani.

Bab II : Latarbelakang Haji Sulong. Bab ini merangkumi pengenalan tentang beliau termasuk menceritakan riwayat hidup dan corak pemikiran Haji Sulong. Turut

³² Colin Rubenstein, “The Role of Islam in Contemporary South East Asian Politics” dalam *Jerusalem Letter*, No. 436, 14 Av 5760, 15 Ogos 2000. (diperolehi dari laman web Jerusalem Center for Public Affairs, <http://www.jcpa.org/jl/jl436.htm>)

³³ Ahmad Fathy al-Patani , *Ulamá Besar dari Patani*. Lihat juga Hasan Madmarn, *The Pondok and Madrasah in Patani* (Bangi : Penerbit UKM, 1999) hlm. 19.

dibincangkan adalah latar penulisan beliau yang terkenal iaitu *Gugusan Cahaya Keselamatan*. Buku ini menyerlahkan idea-idea pembaharuan beliau, lantas membuktikan perjuangan Haji Sulong begitu luas dan menyeluruh.

Bab III : Haji Sulong dan Gerakan Politik Islam. Bab ini merangkumi perjuangan Haji Sulong dalam mendaulatkan kembali Patani dan agama Islam menerusi politik dan pembaharuan.. Perbincangan akan merangkumi penglibatan beliau dalam *Madrasah al-Maarif al-Wataniyah*, *Heet al-Napdh al-Lahkanal Shariah*, Majlis Agama Islam dan Tuntutan Tujuh Perkara.

Bab IV : Reaksi Perjuangan. Bab ini akan memperdalam perjuangan Haji Sulong. Penekanan diberi kepada impak ia akan cuba meneliti kesan perjuangan beliau sebagai tokoh politik Islam. Antara yang dibincangkan adalah reaksi-reaksi masyarakat Melayu Patani dan kerajaan Thailand. Ia diakhiri dengan penindasan kerajaan Thai yang membawa kepada misteri kematian Haji Sulong pada tahun 1954 yang menjadi satu kehilangan besar kepada umat Islam bukan sahaja di Selatan Thailand malah di Alam Melayu secara keseluruhannya.

Tujuan Kajian

Penulis membuat kajian mengenai tajuk ini berdasarkan beberapa tujuan tertentu. Kajian ini diharapkan dapat memperkenalkan kepada umum berkenaan perkembangan politik Islam di Patani yang dipimpin oleh seorang tokoh ulamá. Topik ini kurang diberi penekanan dalam kajian ilmiah politik Islam masyarakat Melayu Patani. Buku-buku tentang Patani kerap membincangkan aspek politik, sosial dan kadangkala ekonomi tanpa menjurus kepada secara mendalam kepada idea-idea pemikiran seseorang pemimpin yang akan menjadi asas perjuangannya. Kajian perpustakaan juga mendapati tumpuan perbincangan idea politik

Islam serta kajian tokoh lebih banyak menjurus kepada kajian di Malaysia (termasuk Singapura) dan Indonesia.

Kajian ini juga diharapkan menjadi satu sumbangan kepada generasi hari ini dan akan datang terutama kepada mereka yang berketurunan Patani. Sejarah perjuangan masyarakat Melayu Patani yang amat mencabar seolah-olah kian dilupakan oleh masyarakat. Sejarah Patani begitu penting kepada umat Islam di Asia Tenggara di mana Patani pernah muncul sebagai satu tamadun Islam yang telah melahirkan ribuan ulamá yang masyhur sejak zaman berzaman.

Metodologi Kajian

Kajian ini dibuat melalui kaedah perpustakaan dengan meniliti pelbagai sumber khusus berkenaan perjuangan Melayu-Patani ini sama ada dalam bentuk buku akademik, tesis sarjana, artikel dan keratan akhbar terutama antara tahun 1960-2002.³⁴

Masalah ketara dalam kajian ini adalah dari segi sumber yang terhad. Banyak sumber utama atau *primary* adalah di dalam bahasa Thai yang sekaligus menjadi batasan kepada penggunaan bahan utama. Masa yang lama terpaksa diambil dalam menterjemah secara terhad dokumen-dokumen dalam tulisan Thai ini. Namun, bahan-bahan rujukan serta maklumat dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Arab diharap dapat menampung kekurangan ini.³⁵

Sesi temubual dengan beberapa individu yang arif tentang perkara ini turut dijalankan dalam mendapatkan penerangan yang lebih jelas berkenaan konsep Islah dan isu

³⁴ Berdasarkan penyelidikan yang dibuat pada tahun 1989 terdapat lebih dari 200 kajian dalam pelbagai bidang berkenaan masyarakat Islam di Selatan Thai. Lihat Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. xix.

³⁵ Sila rujuk bibliografi untuk meneliti senarai bahan yang digunakan.

perjuangan masyarakat Melayu Patani. Temubual ini dibuat secara bersemuka dengan individu-individu yang ada kaitan dengan masyarakat Melayu Patani. Mereka termasuk individu dan tokoh akademik keturunan Patani di Malaysia.

Sumber tambahan juga diperolehi melalui akses internet di mana terdapat pelbagai laman-laman web gerakan pembebasan Patani seperti *PULO*, *PANYOM* serta laman web agensi berita mereka, *PINA*. Dokumen-dokumen yang diperolehi menerusi carian elektronik yang lain juga turut dijadikan bahan sokongan dalam menyiapkan disertasi ini.

Kajian-Kajian Lepas

Antara penulisan utama berkenaan kajian masyarakat Melayu Patani sekitar tahun 1960-an adalah penulisan Ibrahim Syukri bertajuk *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Boleh dikatakan, buku dalam tulisan jawi ini merupakan penulisan awal berbahasa Melayu.³⁶ Buku ini membincangkan sejarah dan politik Patani yang lengkap. Dari segi pembahagian bab, ia dibahagikan kepada empat bahagian utama bermula dari sejarah awal hingga ke era penentangan sekitar tahun 1932-1949. Buku ini dianggap satu titik mula berkenaan kajian masyarakat Islam Patani yang selama ini seolah-olah terpinggir sekitar dekad 1940-an dan 50-an. David K. Wyatt dalam prakata terjemahan versi bahasa Inggeris buku ini amat mengalu-alukan penulisan Ibrahim Syukri ini. Beliau berpendapat , ia boleh menyumbang kepada pengetahuan yang lebih mendalam dan sebagai kesinambungan kepada *Hikayat Patani*.³⁷ Namun begitu, terdapat kritikan mengenai penulisan beliau. Terdapat kelemahan berkenaan penggunaan sumber yang diragui. Bailey dan Miksic sendiri gagal dalam

³⁶ Buku ini diterbitkan sekitar tahun 1960-an (tahun sebenar tidak dapat dipastikan) oleh Majlis Ugama Islam Press, Kota Bharu.

³⁷ Ibrahim Syukri , terj. Conner Bailey dan John N. Miksic *History of the Malay Kingdom of Patani* (Ohio : Center for International Studies, Ohio University, 1985), hlm. xi.

membuktikan kesahihan salah satu sumber utama penulisan Ibrahim Syukri³⁸. Terdapat juga kritikan yang menyatakan penulisan Ibrahim Syukri ini merupakan satu penceritaan bermotifkan politik.³⁹ Walau bagaimanapun, tiga sarjana yang telah mengulas buku *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* ini berpandapat sebaliknya.⁴⁰ Ia dianggap sebagai satu penulisan bahasa Melayu yang penting dalam mengkaji masyarakat Melayu di Selatan Thailand.⁴¹ Virginia Matheson pula menganggap penulisan Ibrahim Syukri ini sebagai penyumbang kepada pengumpulan bahan-bahan sejarah selepas Perang Dunia Kedua⁴². Shaharil Talib pula berpendapat, buku ini tidak boleh diklasifikasikan sebagai satu hikayat kerana ia ditulis oleh seseorang yang ada hubungan yang aktif dengan perkara silam.⁴³

Dekad 1970-an menyaksikan beberapa penulisan yang baik telah dihasilkan berkenaan dengan Patani. Antaranya adalah penulisan Andries Teeuw dan David K. Wyatt, *The Story of Patani*.⁴⁴ Ia merangkumi aspek sejarah awal Patani dan Selatan Thailand

³⁸ Chaiwat Satha-Anand, “Patani in the 1980’s : Academic Literature and Political Stories”, hlm. 67. Sumber yang dipertikaikan adalah penggunaan artikel akhbar penulisan seorang wartawan Inggeris Barbara Wittingham-Jones yang dikatakan diterbitkan dalam akhbar *the Strait Times* pada 1 Disember 1948. Berlaku perbezaan pendapat tentang tarikh sebenar artikel tersebut diterbitkan. Ini dijelaskan sendiri oleh Bailey dan Meksie di dalam versi terjemahan bahasa Inggeris buku tersebut. Lihat juga Ibrahim Syukri, *History of the Malay Kingdom of Patani*, hlm. 88.

³⁹ Chaiwat Satha-Anand, “Patani in the 1980’s : Academic Literature and Political Stories”, hlm. 67. Chaiwat Satha-Anand berpendapat terdapat kemungkinan Ibrahim Syukri tidak mementingkan ketepatan dan lebih kepada bertujuan politik .

⁴⁰ Shaharil Talib, “Review of Ibrahim Syukri’s History of the Malay Kingdom of Patani”, *JAS*, 45, No. 4, 1986 hlm. 901-902.

⁴¹ Dianne Lewis, “Review of Ibrahim Syukri’s History of the Malay Kingdom of Patani”, *JSEAH*, 18, No. 1, 1987, hlm. 154-155.

⁴² Virginia Matheson, “Review of Ibrahim Syukri’s History of the Malay Kingdom of Patani”, *Review (Asian Studies Association of Australia)*, 9, No. 3, 1986, hlm. 160-161.

⁴³ Shaharil Talib, “Review of Ibrahim Syukri’s” hlm. 902. Lihat juga Chaiwat Satha-Anand, “Patani in the 1980’s”, hlm. 61.

⁴⁴ Buku ini merupakan satu penulisan semula dalam Bahasa Inggeris tentang *Hikayat Patani*. Ia diterbitkan di The Hague, Belanda pada tahun 1970.

terutama sebelum dan selepas kedatangan Islam. Hubungan kerajaan Melayu Patani dengan kerajaan-kerajaan Melayu yang lain turut diceritakan menerusi buku ini. Antara yang menarik adalah peristiwa perisytiharan kerajaan Patani sebagai sebuah negara Islam pada tahun 1357.⁴⁵ Jika dilihat dari terjemahan hikayat tersebut, jelas bahawa Teeuw dan Wyatt tidak bermaksud menceritakan sejarah Patani berdasarkan fakta yang nyata , tetapi berkeinginan menyampaikan kisah sejarah Patani berlandaskan corak politik dari kacamata Patani itu sendiri. Ini diakui sendiri oleh Teeuw dan Wyatt dalam buku tersebut.⁴⁶

Satu lagi penulisan yang ada hubungkaitnya dengan kajian ini pada tahun 1970-an mula menyaksikan penulisan-penulisan yang lebih spesifik ke arah perjuangan mereka. Buku bertajuk *Patani Dahulu dan Sekarang* yang di tulis oleh A. Bangnara begitu berterus-terang menceritakan betapa dasar-dasar kerajaan Thailand yang mencengkam.⁴⁷ Walaupun sebahagian besar kandungan buku ini menumpukan kepada sejarah Patani, ia turut memuatkan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh kerajaan Thailand terhadap umat

⁴⁵ Andries Teeuw dan David K. Wyatt, *The Story of Patani* (The Hague : Martinus Nijhoff , 1970), hlm. 73. W.K. Che Man, "Islam in Contemporary Patani", *Akademia*, bil. 34, Januari 1989; menyatakan Raja Patani dislamkan oleh Sheikh Said. Dalam prakata Ahmad Fathy Al-Fatani, *Ulamá Besar dari Patani*,terdapat pendapat menyatakan yang ulamá yang bertanggungjawab mengislamkan Raja Patani ialah Sheikh Saifuddin. Lihat juga Lukman Thaib, *The Politics and Governments of South East Asia*, hlm. 94.

⁴⁶ Andries Teeuw dan David K. Wyatt, *The Story of Patani*, 292.

⁴⁷ Buku ini adalah terjemahan dari buku asal berbahasa Thai. Buku asal dicetak dan diterbitkan di Bangkok pada tahun 1976. Buku Patani Dahulu dan Sekarang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu (Jawi) oleh A. Patani dan A. Yala dan diterbitkan semula oleh Penal Penyelidikan Angkatan al-Fatani pada tahun 1977. Virginia Matheson dan M.B. Hooker menyatakan bahawa Bangnara bukanlah nama sebenar penulis asal. Ia merupakan nama baru sebuah daerah di Patani yang dulunya dikenali sebagai Rangae atau Legih (berdekatan dengan Narathiwat). Penterjemah buku tersebut, A. Yala dan A. Patani juga tidak menggunakan nama sebenar mereka. Lihat Virginia Matheson dan M.B. Hooker, "Jawi Literature in Patani : The Maintenance of An Islamic Tradition", *JMBRAS*, Vol. 61, Part 1, No. 254, 1988, hlm. 70.

Islam Melayu Patani.⁴⁸ Berbeza dengan buku *Hikayat Patani* dan *Sejarah Kerajaan Melayu Patani* yang menekankan aspek kejadian sejarah Patani , buku ini telah menerangkan beberapa fakta yang menarik dari sejarah tersebut terutama mengenai kedudukan Langkasuka serta perjanjian sulit Inggeris-Thailand dan Inggeris-Perancis yang membahagikan daerah pengaruh masing-masing hingga ke Nakhon Sri Thammarat dan tidak dari sempadan Malaysia-Thailand seperti yang ada sekarang ini.⁴⁹

Terdapat juga dua tesis doktor falsafah utama yang berkaitan dengan kajian ini dalam dekad 1980-an. Omar Farouk Bajunid dalam tesis ‘The Political Integration of the Thai Islam’ telah mengkaji tentang integrasi politik yang dilaksanakan oleh kerajaan Thailand.⁵⁰ Istilah yang digunakan dalam kajian tersebut adalah Thai-Islam. Ia memberi tumpuan kepada masyarakat Islam di Thailand secara keseluruhannya. Namun, perhatian khusus diberi kepada masyarakat Islam di bahagian selatan negara itu. Turut dibincangkan adalah masalah berkenaan dengan Patani serta pemnglibatan masyarakat Islam dalam politik dan bagaimana mereka menerima dasar integrasi kerajaan pusat.

Tesis Surin Pitsuwan pula menumpukan kepada peranan Islam dalam menggerakkan perjuangan menuntut kemerdekaan dan kebebasan.⁵¹ Ia ditulis berlandaskan hubungkait antara agama Islam dan semangat nasionalisme masyarakat Melayu. Beliau cuba membuka ruang kesahaman yang lebih luas berkenaan dengan masalah-masalah yang

⁴⁸ A.Bangnara, *Patani Dahulu dan Sekarang*, hlm. 49-105. Turut dimuatkan adalah kronologi dan juga gambar-gambar yang berkaitan dengan tindakan kerajaan Thailand ke atas masyarakat Islam di bahagian selatan.

⁴⁹ Ibid., hlm. 85.

⁵⁰ Tesis Ph.D. ini diutarakan kepada University Kent pada tahun 1980. Lihat juga Omar Farouk Bajunid, “The Problem of the Thai Muslims in the Four Southern Provinces”, *JSEAS*, 1976.

⁵¹ Lihat Surin Pitsuwan, *Islam and Malay Nationalism : A Case Study of the Malay Muslims of Southern Thailand* , Tesis Ph.D., Harvard University, 1980. Surin Pitsuwan atau Abdul Halim Ismail merupakan seorang ahli politik dari Selatan Thai dan merupakan bekas Menteri Luar Thailand pada masa pentadbiran Chuan Leekpai (1997-2000).

dialami oleh masyarakat Islam di selatan akibat dari cubaan kerajaan Thailand untuk mengasimilasi mereka.⁵² Sejak empat wilayah paling selatan yang didominasi masyarakat Melayu Patani diletakkan di bawah pemerintahan kerajaan yang beragama Buddha, mereka merasa terpinggir disebabkan perbezaan ketara dari aspek agama, budaya dan bahasa. Kerajaan pusat di Bangkok dianggap sebagai orang luar dan diburukkan lagi dengan penghantaran kakitangan dari wilayah-wilayah lain untuk berkhidmat di kawasan selatan. Perasaan terasing ini serta kesangsian terhadap kerajaan pusat sentiasa menjadi penyebab utama kegagalan dasar-dasar kerajaan di wilayah-wilayah tersebut. Masyarakat Islam ini sentiasa berjuang mempertahankan budaya dan kepercayaan mereka.

Tesis Surin Pitsuwan turut menumpukan perjuangan ini terutama sejak keempat-empat wilayah selatan ini diletakkan sepenuhnya di bawah pentadbiran kerajaan Thailand pada tahun 1902.⁵³ Tumpuan utama diberi kepada kepimpinan politik yang mencabar kuasa kerajaan menerusi sokongan masyarakat yang setia dan teguh kepercayaan agamanya serta hubungan rapat mereka dengan dunia Islam.⁵⁴ Dari situ, tesis beliau menekankan peranan dan pengaruh para ulamá Islam terutama Haji Sulong dalam kebangkitan semangat kebangsaan Melayu. Ini jelas beliau, mempunyai pertalian dengan politik kebangsaan Thai hingga membawa tentang secara damai dan secara militan terutama dalam dekad 1970-an.⁵⁵ Ulamá-ulamá ini jelas percaya kepada idea bahawa perjuangan

⁵² Ibid., hlm. 4.

⁵³ Surin Pitsuwan, *Islam and Malay Nationalism*, hlm. 11.

⁵⁴ Ibid., hlm. 6.

⁵⁵ Ibid., hlm. 216. Terdapat dua artikel yang mengulas penulisan Surin Pitsuwan ini. Lihat Imtiyaz Yusuf, “Review of Surin Pitsuwan’s Islam and Malay Nationalism”, *Journal Institute of Muslim Minority Affairs* 8, No. 1, hlm. 196-98 dan Raymond Scupin, “Review of Surin Pitsuwan’s Islam and Malay Nationalism”, *JAS*, 47, No. 2-3, hlm. 713-714.

politik mesti berlandaskan Islam dan bermatlamatkan untuk mengembalikan kesucian Islam seperti asalnya.⁵⁶

Dekad 1990-an menyaksikan kemunculan beberapa penulisan dalam bahasa Malaysia berkaitan dengan kajian Melayu Patani telah diterbitkan di Malaysia. Antara pengkaji yang aktif adalah Mohd. Zamberi A. Malek. Buku beliau *Umat Islam Patani : Sejarah dan Politik* bukan sahaja membincarakan pensejarahan dan kebudayaan Melayu Patani, malah turut membincangkan aspek pergerakan nasionalisme Islam , Integrasi Nasional Thai serta tentang dan perjuangan mempertahankan agama Islam, budaya dan identiti mereka.⁵⁷ Beliau telah membuat satu analisis yang baik dengan gaya bahasa yang mudah difahami. Satu perkara yang menarik adalah penggunaan bahan-bahan sejarah hasil kajian selama 20 tahun beliau hingga dapat mendedah dan mencungkil satu sejarah dan perjuangan yang semakin dilupakan oleh masyarakat Islam.⁵⁸ Turut disertakan adalah hubungkait masyarakat Melayu Patani ini dengan Malaysia, bukan sahaja dari aspek sejarah ketamadunan tetapi dari aspek sosio-politik hari ini.⁵⁹

Selain itu, buku *Sejarah Perjuangan Melayu Patani* hasil penulisan Nik Anuar Nik Mahmud telah mendapat perhatian meluas masyarakat Melayu di Selatan Thailand.⁶⁰ Buku

⁵⁶ Surin Pitsuwan, *Islam and Malay Nationalism*, hlm.148.

⁵⁷ Mohd Zamberi A. Malek , *Umat Islam Patani*, hlm. xiv.

⁵⁸ Hasil dari penyelidikan beliau, beberapa buah buku lain berkenaan dengan kajian Patani turut diterbitkan. Lihat penulisan beliau yang lain seperti *Patani Dalam Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur : DBP , 1994), *Harimau Malaya : Biografi Tengku Mahmood Mahyideen* (Bangi : Penerbit UKM, 1999) dan *Wadi Al-Hussin Fatani : Masjid Kayu Terindah* (Bangi : Penerbit UKM, 2001- edisi jawi).

⁵⁹ Mohd Zamberi A. Malek , *Umat Islam Patani*, hlm. 363-390.

⁶⁰ Buku ini telah mendapat perhatian yang cukup meluas terutama gerakan-gerakan pembebasan Patani seperti PULO yang memasukkan versi elektronik (*e-book*) buku ini dalam laman web rasmi mereka. Lihat laman web PULO, <http://www.pulo.org> untuk maklumat tambahan. Penulisan beliau yang berkaitan dengan isu ini adalah *The Malay Unrest in South Thailand : An Issues in Malayan Thai Border Relations* (Bangi : ATMA, UKM, 1994).